

HUXLEY'S WINTOGENO MENTHOL – WINTERGREEN CREAM

Methyl Salicylate/menthol (12.2% w/w / 2.6% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Wintogeno
2. Bagaimana Wintogeno berfungsi
3. Sebelum mengambil Wintogeno
4. Cara menggunakan Wintogeno
5. Semasa menggunakan Wintogeno
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Wintogeno
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Wintogeno

Krim Wintogeno mengandungi bahan-bahan aktif menthol dan methyl salicylate.

Wintogeno boleh digunakan untuk melegakan gejala:

- Sakit otot
- Kekakuan
- Sakit lebam
- Terseliuh
- Sakit belakang
- Ketegangan

Bagaimana Wintogeno berfungsi

Krim Wintogeno adalah analgesik topikal. Ia berfungsi dengan melegakan kesakitan ringan buat sementara waktu.

Sebelum menggunakan Wintogeno

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan jika anda mempunyai hipersensitiviti terhadap menthol atau methyl salicylate dan bahan-bahan lain;
- Jangan sapu pada luka atau kulit yang meradang;
- Jangan gunakan pada kanak-kanak di bawah 12 tahun.

-Sebelum mula menggunakan

Beberapa keadaan perubatan boleh berinteraksi dengan krim methyl salicylate / menthol. Beritahu doktor atau ahli farmasi

anda jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan, terutamanya jika mana-mana daripada yang berikut terjadi pada anda:

- jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, atau menyusukan bayi
- jika anda mengambil mana-mana ubat yang dipreskripsikan atau tanpa preskripsi, penyediaan herba, atau makanan tambahan
- jika anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan, makanan, atau bahan-bahan lain
- jika anda mempunyai reaksi alahan kepada aspirin atau lain-lain salicylate
- jika anda terluka atau kulit anda tercedera

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Bagi orang yang mengambil warfarin, penggunaan yang berlebihan boleh meningkatkan peluang pendarahan.

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda jika krim menthol/methyl salicylate boleh berinteraksi dengan ubat-ubatan lain yang anda ambil. Semak dengan doktor anda sebelum anda bermula, berhenti, atau menukar dos ubat-ubatan.

Cara menggunakan Wintogeno

-Berapa banyak harus digunakan

Kawasan yang terjejas harus bersihkan dengan air suam sebelum menggunakan Wintogeno. Urut sedikit krim Wintogeno ke atas kulit dengan tapak tangan sehingga kawasan itu hampir kering, gunakan lebih krim sekiranya perlu.

Kawasan ini perlu sebaik-baiknya ditutup dengan flanel yang kering dan panas.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Wintogeno boleh digunakan 2-3 kali sehari.

-Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda lupa untuk menggunakannya, gunakannya sebaik sahaja anda mengingati. Teruskan menggunakannya seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ikut arahan pada label pek.

-Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Wintogeno

-Perkara yang perlu dilakukan

- Untuk kegunaan luaran pada kulit yang tidak terluka sahaja.
- Jika reaksi sensitiviti kulit berlaku, sila berhenti menggunakannya.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- ia tidak harus digosok dengan kuat.
- Jangan gunakan pada muka.
- Elakkan sentuhan dengan mata dan membran mukus.
- Jangan gunakan di bawah pembalut kedap atau pad pemanas.
- Jangan gunakan semasa hamil atau semasa menyusui.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Basuh tangan anda selepas menggunakan ubat.
- Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa-apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan krim menthol / methyl salicylate.

HUXLEY'S WINTOGENO MENTHOL – WINTERGREEN CREAM

Methyl Salicylate/menthol (12.2% w/w / 2.6% w/w)

Kesan-kesan Sampingan

Semua ubat-ubatan boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Secara umum, reaksi alahan boleh timbul sebagai ruam, geligata, atau gatal-gatal. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan maklumat lanjut jika anda melihat apa-apa kesan sampingan yang membimbangkan anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Wintogeno

-Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C.

Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Jangan gunakan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Sila pulangkan krim yang belum digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan krim jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam sisa buangan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim Wintogeno berwarna putih hingga putih kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan-bahan aktif

Methyl salicylate 12.2%w/w,

Menthol 2.6%w/w

-Bahan bukan aktif

Cetamacrogol 1000, White vaseline, Purified water, Cetostearyl alcohol, Isopropyl myristate, methyl paraben dan propyl paraben

-Nombor MAL

MAL20041074X

Pengilang

PT Actavis Indonesia
Jl. Raya Bogor Km 28
Jakarta 13710 Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

Actavis Sdn Bhd
Lot No. 8F-1B, 8th Floor,
Tower 4 @ PFCC, Jalan Puteri 1/2,
Bandar Puteri, 47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

19/01/2018

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)170118/00015